

23 NOV 2002

IPF-Kumpulan

BEKAS ANGGOTA PARTI IPF MAHU PERHIMPUNAN PARTI ITU DIBATAL

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Sekumpulan bekas anggota Barisan Progresif India (IPF) mahukan perhimpunan agung parti itu esok dibatalkan atas dakwaan parti itu yang diketuai Datuk M.G. Pandithan melanggar undang-undang.

"Parti itu dan Pandithan tidak mempunyai hak untuk mengadakan perhimpunan berkenaan, berikutan ia tidak menghantar akaun tahunan dan tidak memberi maklumat kepada Pendaftar Pertubuhan mengenai setiausaha agung IPF," kata bekas setiausaha pemuda kebangsaan IPF, M.P. Segaran hari ini.

Beliau mendakwa kira-kira 20,000 anggota IPF kini tidak mempunyai parti dan mahu menubuhkan parti baru yang dipanggil "Parti IPF Baru.

Katanya anggota meninggalkan parti itu sebab tidak berpuas hati dengan kepimpinan, terutama Pandithan yang didakwa menyalahgunakan tabung parti sejak 12 tahun lepas.

"Lagipun, daripada 172 cawangan yang diserahkan kepada pendaftar pertubuhan, hanya 25 masih aktif...beliau (Pandithan) hanya mahu menunjuk kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bahawa beliau mempunyai sokongan, tetapi pada hakikatnya itu tidak benar," dakwa Segaran dalam satu persidangan akhbar.

Sementara itu Pandithan berkata cadangan penubuhan Parti IPF Baru merupakan mainan politik yang cuba mendatangkan keaiban kepada IPF.

"Kami membina parti ini daripada bawah, tetapi kini terdapat orang yang tidak suka dengan kemajuan kami dan oleh itu mereka mencuba tipu helah ini," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata parti itu akan terus berfungsi seperti biasa dan tidak akan membuang masa bertelagah dengan musuhnya yang cuba merosakkan kredibiliti parti berkenaan.

"Banyak lagi yang kami perlu lakukan...kami tidak boleh membuang masa bercakap mengenai politik semata-mata, oleh itu jangan cuba membuang masa kami," tambahnya.

-- BERNAMA

SR CS HM